

09 MAY 2002

Arroyo-Malaysia/I

ARROYO SIFATKAN LAWATANNYA KE KL, THAILAND BERHASIL

MANILA, 9 Mei (Bernama) -- Presiden Gloria Macapagal Arroyo hari ini menyifatkan lawatannya ke Malaysia dan Thailand minggu ini sebagai "berhasil dan membawa manfaat."

Dalam kenyataan sekembalinya beliau ke sini, Arroyo berkata perbincangannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berjaya memupuk hubungan politik dan ekonomi yang lebih kukuh antara Filipina dan Malaysia.

"Lawatan itu telah mendekatkan lagi rakyat Malaysia dengan rakyat kita daripada segi keselamatan, kemajuan dan kemajuan sosial," kata Arroyo yang telah menyampaikan ucapan pada mesyuarat Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di Kuala Lumpur Selasa lepas.

Arroyo dan Dr Mahathir turut menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara Filipina, Malaysia dan Indonesia dalam memerangi keganasan dan jenayah rentas sempadan.

"Ketika wujudnya cabaran dan peluang, memanglah menjadi perkara biasa kita beralih kepada jiran kita untuk mengatur pakatan yang boleh membawa keuntungan bersama," katanya.

Arroyo juga memuji Dr Mahathir kerana telah membantu Filipina mewujudkan keamanan dan kemajuan di wilayah Mindanao yang bermasalah.

Kejayaan itu dicapai apabila para wakil kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro menandatangani satu perjanjian untuk melaksanakan projek kemanusiaan, pemulihan dan pembangunan di wilayah berkenaan.

Arroyo berkata perjanjian tersebut telah merintis jalan penyertaan Bank Pembangunan Islam dalam usaha pemulihan dan pembangunan.

Menurut Arroyo, beliau gembira kerana semasa di Kuala Lumpur, pegawai-pegawai Maybank, sebuah bank terkemuka di Malaysia, memaklumkan kepadanya rancangan mereka untuk membuka cawangan di Mindanao bagi menyokong usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan di wilayah itu.

Semasa di Bangkok pula, katanya, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra berikrar akan menyertai Filipina, Malaysia dan Indonesia dalam usaha membanteras keganasan antarabangsa.

Arroyo juga telah menyaksikan pemeterian enam perjanjian perdagangan bernilai hampir AS\$1 bilion yang akan meningkatkan lagi hubungan Filipina dan Thailand.

-- BERNAMA

ALJ AHH SP MAI